

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	16 AUGUST 2016

Duterte diyakini teruskan usaha damai

BH - 16/8/2016

➔ Najib turut menanti lawatan Presiden Filipina dijadualkan akhir bulan

Putrajaya

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yakin proses damai Mindanao akan diteruskan di bawah kepimpinan Presiden Filipina yang baharu, Rodrigo Duterte.

Najib juga menekankan pentingnya pembangunan ekonomi di wilayah Mindanao bagi keamanan dan kestabilan serantau yang berkekalan.

“Selain proses damai yang sedang diusahakan, Perdana Menteri turut menekankan perlunya kerjasama serantau bagi menangani ancaman yang kian meningkat daripada kumpulan militan Daesh (IS), elemen ekstremis, penculikan untuk wang tebusan dan jenayah rentas sempadan,” menurut kenyataan dikeluarkan Pejabat Perdana Menteri di sini, semalam.

Menurut kenyataan itu, Najib ju-

ga menzahirkan hasrat Malaysia dan Filipina meningkatkan lagi hubungan dua hala dan beliau turut menantikan lawatan Presiden Duterte ke Malaysia yang dijadualkan akhir bulan ini.

Kunjungan hormat

Sementara itu, Penasihat Presiden Filipina Mengenai Proses Damai itu, Jesus G Dureza dan delegasinya melakukan kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri di pejabatnya di sini, semalam.

Delegasi beliau, termasuk Setiausaha Kementerian Dalam Negeri dan Kerajaan Tempatan, Ismael D Sueno dan Martin Andanar daripada Pejabat Operasi Komunikasi Presiden dan Duta Besar Filipina ke Malaysia, J Eduardo Malaya.

Turut serta dalam delegasi itu Ketua Panel Pelaksana Kerajaan Filipina, Irene M Santiago dan empat anggota panelnya, Diosita T



Selain proses damai, Perdana Menteri turut menekankan kerjasama serantau menangani ancaman yang kian meningkat daripada kumpulan militan Daesh (IS), elemen ekstremis, penculikan untuk wang tebusan dan jenayah rentas sempadan”

Kenyataan Pejabat Perdana Menteri

Andot, Nabil A Tan, Rolando Asuncion dan Dickson P Hermoso.

Panel Pelaksana Kerajaan Filipina itu dan wakil Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) mengadakan mesyuarat di Kuala Lumpur, Sabtu dan Ahad lalu, untuk melancarkan Fasa Pelaksanaan Perjanjian Komprehensif Mengenai Bangsamoro.

Najib dalam kenyataannya Sabtu lalu, menyambut baik pelancaran semula Perjanjian Damai Bangsamoro dan memberi jaminan komitmen Malaysia untuk terus memastikan perjanjian itu menjadi kenyataan.

Pelan Damai Bangsamoro melalui beberapa pindaan sejak lebih 17 tahun menerusi rundingan antara kerajaan Filipina dan MILF.

Pelan damai komprehensif antara kedua-dua pihak yang diusahakan Malaysia, ditandatangani pada 27 Mac 2014. **BERNAMA**